

## Highlighting Human as a Servant to God in 'Hari yang Bergelar Kematian' Short Story: Based on Takmilah Theory

Mohd Haniff Mohammad Yusoff<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah.

Authors' Email Address: \*<sup>1</sup>haniffyusoff25@gmail.com

Received Date: 23 September 2019

Accepted Date: 22 October 2019

### ABSTRACT

*This study attempts to identify and deconstruct the aesthetics of a short story based on the principles advocated in the Takmilah theory. Short story is a genre of creative writing that writers choose to convey their thoughts in a shorter medium of delivery than a novel. Islamic narratives raise the question of divinity as well as the relationship between man and the Creator and the relationship between man and man. A short story entitled 'Hari yang Bergelar Kematian' from Juri Durabi was selected as the research data in this study. This short story was published in Mingguan Malaysia newspaper on March 12, 2017 and has been recognized as one of the winners of Hadiah Sastera Kumpulan Utusan (HSKU) 2017. Takmilah theory outline founded by Shafie Abu Bakar has been selected in this study to achieve the objectives of this study. The findings of the study show that the short story which is entitled 'Hari yang Bergelar Kematian' complies with the principles in Takmilah theory, even highlighting human as a servant to God.*

**Keywords:** Short story, Malay literature, Takmilah theory, Juri Durabi

## Penyerlahan Kekerdilan Insan dalam Cerpen 'Hari yang Bergelar Kematian': Menelusuri Perspektif Takmilah

### ABSTRAK

*Makalah ini cuba mengenal pasti dan menghurai estetika penulisan cerpen berdasarkan prinsip-prinsip yang dianjurkan dalam teori Takmilah. Cerpen merupakan genre penulisan kreatif yang menjadi pilihan penulis untuk menyampaikan pemikiran dan merupakan wadah penyampaian yang lebih pendek berbanding novel. Cerpen yang bersifat Islamik mengutarakan persoalan ketuhanan serta menghubungkan hubungan manusia dengan Pencipta serta hubungan antara manusia dengan manusia. Cerpen berjudul 'Hari yang Bergelar Kematian', tulisan Juri Durabi telah dipilih sebagai data kajian dalam kajian ini. Cerpen ini telah disiarkan dalam akhbar Mingguan Malaysia pada 12 Mac 2017 dan telah diperakukan sebagai salah sebuah cerpen yang memenangi Hadiah Penghargaan kategori Cerpen Umum dalam Hadiah Sastera Kumpulan Utusan (HSKU) 2017. Teori Takmilah yang diasaskan oleh Shafie Abu Bakar mendasari kajian ini bagi merealisasikan objektif kajian yang ingin dicapai menerusi analisis kandungan yang dilaksanakan. Hasil dapatan kajian menunjukkan, cerpen 'Hari yang Bergelar Kematian' memenuhi prinsip-prinsip yang terdapat dalam teori Takmilah, malah menyerlahkan kekerdilan insan sebagai hamba kepada Tuhan.*

**Kata Kunci:** Cerpen, Kesusasteraan Melayu, Teori Takmilah, Juri Durabi

## PENGENALAN

Cerpen merupakan akronim kepada cerita pendek yang mendukung pengertian kependekan dari segi jumlah perkataan dan plot yang lebih ringkas berbanding novel. Berdasarkan *Glosari Istilah Kesusasteraan* (2017), cerpen juga didefinisikan sebagai cerita rekaan yang berelatif pendek yang dihasilkan penulis dalam bentuk prosa. Rahman Shaari (2001) menyifatkan cerpen sebagai sebuah naratif yang pendek iaitu kurang daripada 10 000 patah perkataan dan menghasilkan satu kesan utama serta unsur dramatik. Susur galur cerpen tempatan bermula sekitar tahun 1920-an lagi dengan ditandai cerpen yang berjudul 'Kecelakaan Pemalas' yang ditulis oleh Nor Ibrahim al- Madrasi. Cerpen ini dianggap yang terawal dalam penulisan kreatif di Tanah Melayu bagi genre cerpen yang telah disiarkan dalam majalah *Pengasoh*. Sahlan Mohd Saman (2014) berpendapat pada peringkat awal, penulisan cerpen tempatan dipersembahkan secara mudah termasuklah judul, perjalanan ceritanya, komplikasi plot, bilangan watak yang sedikit serta tatabahasa yang dikemukakan penulis adalah pada laras yang mudah.

Cerpen 'Hari yang Bergelar Kematian' merupakan cerpen yang ditulis oleh Juri Durabi, seorang penulis kelahiran negeri Sabah yang tidak asing lagi dalam arena kesusasteraan tanah air. Karya-karya Juri Durabi telah diperakukan kualitasnya berdasarkan pengiktirafan yang diterimanya seperti Hadiah Sastera Sabah (HSS), Hadiah Sastera Kumpulan Utusan (HSKU) dan Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM). Selain itu, novelnya yang berjudul *Jalan ke Puncak* telah dipilih sebagai salah sebuah teks komponen sastera (KOMSAS) untuk peringkat sekolah menengah. Melalui cerpen 'Hari yang Bergelar Kematian', Juri Durabi sekali lagi menerima pengiktirafan HSKU 2017 melalui kategori Cerpen Umum. Berdasarkan Laporan Penilai HSKU 2017, penilai mengesani matlamat cerpen ini yang cuba mengalihkan pandangan serta paradikma pembaca terhadap pengertian 'kematian' itu sendiri.

Perutusan cerpen ini menggenapkan makna kematian yang harus dilihat sebagai nikmat dan bukannya azab.

(hlm. 20)

Secara jelasnya, cerpen ini mengemukakan tema tentang kematian seperti frasa yang sama yang turut menjuduli cerpen ini. Cerpen ini digerakkan dengan watak 'Saya' dan membawa pembaca memasuki ruang di bawah sedar dan seterusnya mengheret pembaca melalui wilayah yang tidak mungkin dapat dikisahkan secara 'realiti' ketika 'Saya' menjalani hari-hari kematiannya. Penulis cuba mengubah persepsi pembaca yang secara umumnya mengaitkan kematian dengan ketakutan, tetapi melalui cerpen yang dinukilkan Juri Durabi ini, pembaca cuba dididik untuk menerima kematian sebagai sebuah kenikmatan.

## METODOLOGI KAJIAN

Chew Fong Peng (2013) mengklasifikasikan cerpen sebagai genre yang popular dalam lapangan kesusasteraan Melayu sebagai wadah dalam memerihalkan ragam kehidupan. Abdul Razak Panaemalae (2019) pula berpendapat, realiti yang ditonjolkan dalam karya fiksiyen bukanlah realiti sebenar sebaliknya sebuah cereka yang terikat pada konvensional, namun nilai yang terdapat dalam fiksiyen tidak sama dengan nilai realistik yang terjadi dalam kehidupan. Melalui cerpen, pengarang memperincikan kebudayaan masyarakat yang diserap melalui pemerhatian, lalu disejajarkan pula dengan pemikiran yang cuba disampaikan oleh pengarang.

Melalui penelitian ini, cerpen yang berjudul 'Hari yang Bergelar Kematian' yang ditulis oleh Juri Durabi dipilih untuk dianalisis menggunakan teori Takmilah yang dianjurkan Shafie Abu Bakar. Kajian ini akan memanfaatkan pendekatan kualitatif dan analisis kandungan. Pendekatan Kualitatif merupakan kaedah yang menggariskan prinsip asasnya ialah untuk mendiskrptif data-data yang dikumpulkan (Pierce, 2008).

Seterusnya, teks dianalisis dengan teliti berpandukan prinsip-prinsip yang terdapat dalam teori Takmilah, lalu dihuraikan secara deskriptif.

## TEORI TAKMILAH

Teori Takmilah telah diasaskan oleh sarjana tempatan iaitu Shafie Abu Bakar pada tahun 1992 yang meletakkan tauhid sebagai asas penelitian utama, serta memperlihatkan perhubungan yang jitu antara karya-pengkarya-khalayak. Shafie Abu Bakar (1995) menjelaskan dalam perkembangan sastera Islam, sastera mempunyai hubungan yang erat dengan tradisi ilmu, malah mempunyai hubungan yang erat juga dengan pengolahan terhadap aspek-aspek yang bercitrakan keislaman. Teori ini secara tidak langsung sebenarnya mengungkapkan konsep hubungan manusia dengan Allah dan hubungan manusia dengan manusia. Teori Takmilah menggariskan tujuh prinsip iaitu Prinsip Ketuhanan yang Bersifat *Kamal* (sempurna), Prinsip Kerasulan sebagai Insan *Kamil* (sempurna), Prinsip Keislaman yang Bersifat *Akmal* (sempurna), Prinsip Ilmu dan Sastera yang Bersifat *Takmilah* (sempurna), Prinsip Sastera Sendiri yang Berciri Estetik dan Bersifat *Takmilah* (sempurna dan menyempurnakan), Prinsip pada Pengkarya yang Seharusnya Mengistimalkan Diri (menyempurnakan) dan Prinsip Khalayak Bertujuan Memupuk Mereka ke Arah Insan *Kamil* (sempurna).

Penelitian dan perbincangan tentang teori Takmilah dalam menganalisis karya kesusasteraan Melayu telah banyak dijalankan oleh para sarjana terutamanya bagi genre puisi dan juga novel. Kajian-kajian tersebut antaranya ialah Rosnani Ripin menulis 'Takmilah Novel *Seteguh Fikrah Saleha*, Karya Aminah Mokhtar', Asmiaty Amat dan Lokman Abdul Samad menulis 'Puisi-puisi Arifin Arif: Satu Analisis Takmilah', Abu Hassan Abdul, Azman Bado, A. Halim Ali dan Wahibah Twahir@H Tahir menulis 'Penerapan Sifat Kamalullah dalam Puisi Sufistik *Taman Taqwa*', Maharam Mamat, Maisarah Yaacob dan Norasiah Abdullah menulis 'Tarbiah dalam Novel *Papa*', Nurul Hilwany Che Shaffine menulis 'Pemikiran Islam dalam *Ayn* Karya Kemala', dan banyak lagi. Walau bagaimanapun, penelitian ini akan melibatkan genre cerpen pula berdasarkan teori Takmilah. Justeru, perbincangan ini akan menghurai secara analisis kandungan dengan mengaplikasi teori Takmilah terhadap cerpen 'Hari yang Bergelar Kematian', karya Juri Durabi.

## ANALISIS CERPEN 'HARI YANG BERGELAR KEMATIAN' BERDASARKAN PERSPEKTIF TAKMILAH

### Prinsip Ketuhanan Yang Bersifat *Kamal* (Sempurna)

Prinsip pertama mengetengahkan dua sifat Allah S.W.T. iaitu *Kamal* (sempurna) dan *Jamal* (keindahan). Ahmad Hawassy (2019) memperjelaskan Allah S.W.T. mempunyai sifat yang banyak, lantas dapat dirangkumkan bahawa Allah S.W.T. mempunyai sifat *Jalal* (kebesaran), *Kamal* (sempurna) dan *Jamal* (keindahan). Kedua-dua sifat Allah SWT iaitu *Kamal* (sempurna) dan *Jamal* (keindahan) saling berkaitan antara satu sama lain dan perhubungannya dijelaskan dengan kejadian manusia yang diciptakan Allah dengan sempurna dan indah iaitu sebagai sebaik-baik kejadian. Maniyamin Ibrahim (2005) berpendapat sifat *Kamal* dan *Jamal* yang dikemukakan dalam Prinsip Ketuhanan yang Bersifat *Kamal* (sempurna) dapat diterjemahkan melalui karya sastera. Secara tidak langsung, melalui keindahan yang dijelmakan melalui karya sastera, keimanan terhadap Pencipta iaitu Allah S.W.T dapat diperteguhkan. Sastera bukan sekadar mempertaruhkan kata-kata indah penuh berestetika sahaja, tetapi mengajak serta memupuk pembaca untuk kembali mengenali menginsafi diri dan mengakui kebesaran Allah S.W.T. Melalui cerpen 'Hari Yang Bergelar Kematian', Juri Durabi menyerlahkan prinsip ini dalam petikan berikut;

Namun, kuasa Tuhan tak ada siapa yang boleh menafikan. *Kun Fayakun*. Semua itu tidak akan menjadi mustahil kalau itulah kehendak Tuhan. Ada yang sihat tiba-tiba mati terjatuh di ruang tamu. Itu hanya penyebab. Yang pasti ajalnya sudah sampai. Tuhan tidak pernah mungkir janji. Kematian tidak akan diundur atau dipercepatkan. Qadak dan qadar setiap makhluk sudah tertulis di muka besar kitab yang bernama lohmahfuz. Tidak ada keraguan lagi. Tuhan telah mencatatkan sesuatu itu dari sekecil-kecil zarah dan sebesar-besarnya. Catatan yang tidak akan pudar sampai hari kiamat pun. Maka, nyatalah bahawa semua makhluk tidak akan dapat lari daripada qadak dan qadar.

(hlm. 261)

Penulis mendidik khalayak pembaca agar harus mempercayai ketentuan Allah yang tiada sesiapa pun dapat menghalangnya, termasuklah perihal kematian. Kematian setiap manusia sudah ditetapkan dan tidak boleh dipercepatkan mahupun diperlambatkan. Berdasarkan petikan di atas, penulis mengingatkan pembaca bahawa Allah S.W.T. bersifat Kamal (sempurna) dan berkuasa dalam segala hal dan tidak mampu dihindari segala makhluk yang diciptakan-Nya.

### **Prinsip Kerasulan Sebagai Insan Kamil (Sempurna)**

Berdasarkan prinsip ini, teori Takmilah mengemukakan hubungan teori dengan Rasulullah sebagai Insan kamil. Rasulullah dipilih Allah untuk menjadi teladan kepada seluruh umatnya. Kamariah Kamarudin (2017) menjelaskan dalam falsafah pemikiran Islam, terdapat tiga konsep Ideal Keinsanan iaitu Insan Kamil, Insan Khalifah dan Insan Rabbani iaitu tahap kedudukan manusia dalam menyempurnakan perintah Allah. Oleh itu, prinsip ini menonjolkan Rasulullah sebagai contoh ikutan terbaik buat manusia seperti petikan berikut;

Tuhan telah menjelaskan segala-galanya dalam kitab yang diturunkan melalui nabi junjungan untuk disampaikan kepada umat-Nya, iaitu al-Quran, dan diperjelaskan oleh Nabi Muhammad s.a.w melalui hadis-hadisnya. Dua-dua itu sudah lengkap. Iaitu, al-Quran dan hadis nabi. Cukup.

(hlm. 266)

Melalui petikan di atas, penulis menerangkan kitab al-Quran telah diturunkan kepada Rasulullah untuk disampaikan kepada sekalian umatnya. Selain itu, umatnya juga ditinggalkan dengan hadis oleh baginda sebagai panduan. Menurut Mohd Farhan Md Ariffin dan Khader Ahmad (2016), hadis begitu signifikan sebagai sumber syariat kedua dalam Islam, malah memainkan peranan dalam membentuk keperibadian yang unggul sebagai seorang muslim sejati. Al-Quran dan hadis memainkan peranan yang penting sebagai sumber rujukan utama umat Islam dalam menghadapi segala permasalahan.

### **Prinsip Keislaman Yang Bersifat Akmal (Sempurna)**

Prinsip ketiga pula dihubungkan dengan kesucian agama Islam. Shafie Abu Bakar (1997) sebagai pengasas teori Takmilah mengetengahkan hubungan teori dengan Islam sebagai agama (ad-din) yang syumul. Perkaitan ini diperkukuhkan berdasarkan ayat ketiga dalam surah al-Mai'dah yang bermaksud "Pada hari ini, telah Kusempurnakan untuk kamu agamamu dan telah Kucukupkan kepadamu nikmat-Ku, dan telah Kuredai Islam itu jadi agama bagimu." Islam sebagai agama yang syumul turut diserlahkan

melalui karya-karya sastra. Sebagai sebuah karya sastra, pengarang berperanan mendidik masyarakat ke arah kebaikan yang dianjurkan agama selari dengan ajaran al-Quran dan hadis. Juri Durabi tidak ketinggalan dalam menonjolkan prinsip Keislaman yang Bersifat Akmal dalam cerpennya, “Hari yang Bergelar Kematian”;

Alim ulama sering berpesan: sembahyanglah kamu sebelum kamu disembahyangkan. Ini ditambahi pula dengan hadis, “Berusahalah kamu untuk duniamu, seolah-olah kamu hidup selamanya dan beribadatlah kamu untuk akhirat seolah-olah kamu mati pada esok hari.” Dengan pesan dan hadis itu, manusia perlu menyantuni makna yang tersurat dan tersirat.  
(hlm. 269)

Penulis memetik pesanan alim ulama dan hadis, lalu dimasukkan ke dalam penulisan cerpen. Penulis cuba mengingatkan pembaca agar mengutamakan sembahyang dalam kehidupan kerana sembahyang merupakan kewajipan sebagai seorang muslim. Pesanan di atas menyeru kepada umat Islam agar tidak lalai dalam menunaikan kewajipan menunaikan sembahyang sebelum meninggal dunia dan ketika itu tidak berguna menyesal lagi. Petikan hadis yang dimuatkan di dalam cerpen ini turut menyeru agar umat Islam bersungguh-sungguh dalam segala pekerjaan di dunia dan dalam masa yang sama bersungguh-sungguh menunaikan kewajipan agama seolah-olah dunia akan berakhir pada keesokan harinya.

### **Prinsip Ilmu Dengan Sastra Yang Bersifat Takmilah (Sempurna)**

Shafie Abu Bakar (1997) menghujahkan teori Takmilah mempunyai pertalian antara ilmu dengan sastra, lalu secara tidak langsung melibatkan akal dan hati. Hal ini kerana akal merupakan alat yang paling utama bagi mencapai ilmu, terutamanya berhubung dengan sesuatu yang bersifat alamiah dan rasional. Oleh yang demikian, ilmu dan sastra saling memerlukan dalam menghasilkan sesebuah karya sastra yang berimpak tinggi. Menerusi cerpen “Hari yang Bergelar Kematian”, penulis menonjolkan watak ‘saya’ yang mendapatkan ilmu bermanfaat dengan mendengar ceramah agama;

Kini saya berada di sebuah dewan yang yang maha besar. Saya salah seorang peserta di tengah-tengah orang ramai yang membanjiri dewan itu. Di atas pentas berdiri seorang penceramah. Ustaz Salihin. Ah! Betulkah itu Ustaz Salihin? Saya semacam tidak percaya di hadapan saya ialah Ustaz Salihin. Tapi, itu memang Ustaz Salihin. Lelaki warak yang selalu memberikan ceramah agama di masjid. Saya sering terdiam khusyuk apabila mendengar ceramah ustaz itu. Ia terlalu indah dan bermanfaat kepada semua orang.  
(hlm. 263)

Watak ‘saya’ digambarkan telah berada di dalam sebuah majlis ceramah yang dikendalikan Ustaz Salihin. Watak ‘saya’ sangat mengenali Ustaz Salihin kerana pernah mendengar ceramahnya dan digambarkan watak ‘saya’ sering khusyuk menikmati ceramah Ustaz Salihin, malah watak ‘saya’ menyimpulkan ceramah yang disampaikan sangat bermanfaat dan indah untuk didengari.

## Prinsip Sastera Yang Berciri Estetik dan Bersifat Takmilah (Sempurna Dan Menyempurnakan)

Prinsip seterusnya membawa kepada penelitian terhadap ciri-ciri estetik yang menjadikan sesebuah karya itu bersifat takmilah. Proses penciptaan atau penghasilan karya sastera perlulah mengoptimumkan estetik dan kreativiti, lalu membawa pembaca mendekati diri kepada Allah. Melalui perspektif ini, karya diperhalusi dan diteliti melalui kandungannya yang bercirikan lahiriah, iaitu merangkumi teknik penciptaan sesebuah karya seperti bentuk, struktur, plot, watak, bahasa, diksi, nada, stilistika, rima, ritma, matra, suku kata, asonasi dan aliterasi. Selain itu, dari sudut maknawi, yang boleh diberikan perhatian ialah isi, tema, idea, mesej, sudut pandangan, nilai, simbol, metafora, alegori, simile, personifikasi dan citra yang telah diadun dengan baik oleh pengkarya. Melalui petikan berikut, penulis cuba menggambarkan kehidupannya dilambangkan dengan citra **perahu kecil, lautan yang bergelora dan badan yang mengamuk**;

Saya seakan-akan berada di sebuah perahu kecil, di tengah lautan yang bergelora. Berhadapan dengan badai yang mengamuk. Perahu kecil itu terumbang-ambing tak tentu haluan. Sekejap ke kiri dan sekejap ke kanan.

(hlm.261)

Citra yang ditampilkan oleh penulis seperti **perahu kecil, lautan yang bergelora, badai yang bergelora** merupakan citra yang bersatu dan pembaca dapat menggambarkan sebuah latar sahaja. Penulis menyerlahkan kekerdilan insan apabila menggambarkan dirinya berada dalam sebuah perahu kecil. **Lautan yang bergelora** memberi imej cabaran kehidupan yang harus dirintangi. **Badai yang mengamuk** pula menjelaskan kehidupan adakalanya diterjah dengan ujian kehidupan yang begitu berat untuk dihadapi. Ayat **/Perahu kecil itu terumbang-ambing tak tentu haluan/** dapatlah diungkapkan sebagai cabaran, dugaan atau ujian yang mendatang mampu membuatkan kita hilang pertimbangan untuk menentukan arah tujuan dalam meneruskan kehidupan. Usaha penulis dalam mengungkapkan sesuatu tanpa memberitahu secara langsung dapat memberikan keindahan serta kesegaran dalam penulisan karya sastera.

## Prinsip Pada Pengkarya Yang Seharusnya Mengistikmalkan Diri (Menyempurnakan)

Shafie Abu Bakar (1997) merumuskan pengkarya perlu mengistikmalkan (menyempurnakan) diri dengan ilmu bagi menghasilkan sebuah karya yang sempurna (takmilah). Maniyamin Ibrahim (2005) menjelaskan setiap pengkarya perlu berilmu dan menguasai ilmu Islam serta ilmu sastera. Sebagai pengkarya, persediaan dari pelbagai sudut perlu dilakukan terutamanya dari sudut ilmu pengetahuan agar hasil karya yang dihasilkan mempunyai ilmu yang bermanfaat untuk disampaikan kepada khalayak. Selain itu, ilmu sastera juga sangat penting untuk disantuni para pengkarya agar karya yang dihasilkan mempunyai nilai estetik dan kreativiti yang tinggi. Kamariah Kamarudin (2017) berpandangan pengkarya harus mendalami ilmu yang berhubung dengan sastera umum yang merangkumi teori, kritikan sastera dan perkembangan isu-isu semasa. Secara kesimpulannya, pengkarya bertanggungjawab dalam melengkapkan diri sendiri dengan ilmu bagi menghasilkan sesebuah karya. Melalui cerpen “Hari yang Bergelar Kematian”, penulis menghadirkan persoalan tentang kekuasaan Tuhan dan menyerlahkan kekerdilan insan sebagai hamba-Nya. Pengetahuan agama Islam diketengahkan penulis sebagai peringatan atau iktibar kepada pembaca. Gambaran persoalan tersebut diserlahkan dalam petikan berikut;

“Semua malaikat diperintahkan-Nya tunduk kepada Adam setelah Adam sempurna dibangunkan. Iblis tidak. Iblis kata, dia lebih mulia daripada Adam dengan alasan dia dicipta daripada api. Sementara Adam hanya segumpal tanah yang hina. Iblis sombong

tentang kewujudannya. Tuhan murka. Maka tempatnya telah ditentukan oleh Tuhan di neraka. Itu janji Tuhan. Itu sebab iblis tak akan putus-putus menggoda anak cucu Adam kerana dendam.”

(hlm. 264)

Petikan di atas merupakan sebahagian daripada perungkapan ceramah agama oleh Ustaz Salihin. Ustaz Salihin memperjelaskan kepada penikmat ceramahnya tentang kewujudan neraka dan syurga. Watak ‘Saya’ digambarkan berada di dalam sebuah dewan yang besar dan berada dalam kalangan manusia yang membanjiri dewan tersebut. Penulis melalui cerpen ini telah memberi kesedaran melalui ilmu dari perspektif agama kepada pembaca.

### **Prinsip Khalayak Bertujuan Memupuk Mereka Ke Arah Insan Kamil (Sempurna)**

Prinsip terakhir ini menghubungkan pengkarya dengan khalayak melalui karya sastera. Melalui prinsip ini, karya sastera yang bersifat takmilah berperanan dalam membentuk khalayak yang kamil. Sehubungan itu, prinsip ini memperlihatkan karya sastera menawarkan nilai-nilai yang murni dalam usaha mendidik khalayak. Secara keseluruhannya cerpen ‘Hari yang Bergelar Kematian’ cuba menukar persepsi tentang ketakutan menghadapi kematian yang dianggap begitu mengazabkan kepada sebuah kenikmatan.

Kalau hari ini saya dipanggil untuk berhadapan saat kematian, saya rela. Tapi biarkan kematian saya diiringi keharuman yang menyegarkan. Bukan melemaskan.

(hlm. 267)

Berdasarkan petikan di atas, penulis menggambarkan watak ‘Saya’ sanggup menerima ketentuan jika sudah ditakdirkan meninggal dunia. Penulis dalam penulisannya cuba memberikan didikan kepada pembaca agar bersedia dengan segala amalan dan meninggalkan segala larangan yang ditegah dalam ajaran agama agar memperoleh pengakhiran kehidupan yang lebih baik.

### **KESIMPULAN**

Tuntasnya, prinsip-prinsip yang dikemukakan dalam teori Takmilah dapat diuji dan dikenalpasti melalui teks cerpen ‘Hari yang Bergelar Kematian’ tulisan Juri Durabi. Hal ini dapat diteliti dalam cerpen ini yang cuba menghubungkan kehidupan manusia dengan agama Islam dan juga Tuhan yang Maha Esa. Mawar Safei (2019) menilai prinsip-prinsip yang terkandung dalam teori Takmilah menghubungkan diri penulis-karya-khalayak dengan sifat jati diri keislaman, malah menjelaskan alam kehidupan ini tidak terpisah keterikatannya daripada Allah yang memiliki sifat-sifat kesempurnaan yang hakiki. Melalui penelitian ini, penulis menyerlahkan kekerdilan insan yang tidak dapat mengelak daripada sebuah ketentuan iaitu kematian. Penulis juga melalui tulisannya cuba mengingatkan pembaca bahawa kehidupan di dunia hanyalah sementara dan perlu dipersiapkan dengan bekalan amalan sebagai jaminan kehidupan di akhirat. Secara tidak langsung, penulis menjadikan cerpen sebagai wadah dalam menyampaikan dakwah ataupun unsur-unsur kebaikan kepada khalayak pembaca.

## RUJUKAN

- Abdul Razak Panaemalae. (2015). Perwatakan “Abdul Kadir” dalam dua cerpen Thai: Suatu Perbandingan. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 8(2), 245-256.
- Abu Hassan Abdul, Azman Bado, A. Halim Ali & Wahibah Twahir@ H Tahir. (2018). Penerapan sifat Kalamullah dalam puisi sufistik *Taman Taqwa. Sains Humanika*, 10, 121-128.
- Ahmad Hawassy. (2019). *Kajian tauhid dalam bingkai aswaja*. Diakses daripada [https://play.google.com/store/books/details/Ahmad\\_Hawassy\\_Kajian\\_Tauhid\\_dalam\\_Bingkai\\_Aswaja?id=\\_YyNDwAAQBAJ](https://play.google.com/store/books/details/Ahmad_Hawassy_Kajian_Tauhid_dalam_Bingkai_Aswaja?id=_YyNDwAAQBAJ)
- Asmiyaty Amat & Lokman Abdul Samad. (2014). Puisi-puisi Arifin Arif: Satu analisis Takmilah. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*, 20, 81-108.
- Chew Fong Peng. (2013). *Cerpen dan perpaduan nasional*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Glosari istilah kesusasteraan. (2017). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Juri Durabi. (2017). Hari yang Bergelar Kematian. Dlm. Nor Asmah Zakaria, Shahidan Jaafar dan Mad Rusli Mohd Jamain (pngr.). *Kuroshio*, Kuala Lumpur: Tintaron Publications Sdn. Bhd. 260-269.
- Kamariah Kamarudin. (2017). Teori Takmilah dan Aplikasinya dalam Teks Sastera Melayu. Dlm Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali (ed.). *Teori dan kaedah aplikasi dalam karya*, hlm. 59-73. Kuala Lumpur. Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Maharam Mamat, Maisarah Yaacob & Norasiah Abdullah. (2012). Tarbiah dalam novel Papa... (akhirnya kau tewas jua!). *MALIM-SEA Journal of General Studies*, 13, 125-138.
- Maniyamin Ibrahim. (2005). *Citra Takmilah: Analisis terhadap kumpulan puisi Islam*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Mawar Safei. (2019). Didaktisisme Islami dalam cerpen Melayu mutakhir. *Journal of Southeast Asia Social Sciences and Humanities*, 89(1), 55-67.
- Mohd Farhan Md. Ariffin & Khader Ahmad. (2016). Hadith *maudu'*: Merungkai Kontrakdiksi antara masyarakat dan ulama ke arah kesepakatan bersama. *Jurnal Intelek*, 11(1), 31-39.
- Nurul Hilwany Che Shaffine. (2015). Pemikiran Islam dalam ‘Ayn karya Kemala. *Jurnal Melayu*, 14 (2), 240-259.
- Rahman Shaari. (2001). Bimbingan istilah sastera. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Rosnani Ripin. (2017). Takmilah novel Seteguh Fikrah Saleha karya Aminah Mokhtar. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan kali ke-2*, 3, 1-15.
- Sahlan Mohd. Saman. (2014). Cerpen. Dlm. Sahlan Mohd. Saman & Shaiful Bahari Md. Radzi (pnyt.). *Persuratan Melayu tradisional ke moden*, hlm. 105-123.
- Shafie Abu Bakar. (1995). Sastera Islam: Teori pengindahan dan penyempurnaan dalam rangka tauhid. Dlm. S. Jaafar Husin (Peny.). *Penelitian sastera: Metodologi dan penerapan teori*, hlm. 132-133. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shafie Abu Bakar. (1997). Takmilah: Teori, Falsafah dan Prinsip. Dlm. Mana Sikana (Pngr.). *Teori sastera dan budaya dalam kajian akademik*. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Roger, W.P. (2008). *Research methods in politics: A practical guide*, London: SAGE Publications.